



SIARAN AKHBAR

9 Oktober 2023

MAIS SANTUNI 2,779 ASNAF RIQAB SEPANJANG TAHUN 2023 Anjur Forum Perdana Hal Ehwal Islam: Luka Semalam, Khamis ini

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyantuni seramai 2,779 asnaf riqab di negeri Selangor sepanjang tahun 2023 melalui bimbingan dan bantuan kebajikan bagi membantu mereka kembali ke jalan yang benar.

Asnaf riqab merupakan seseorang yang terbelenggu dengan masalah sosial dan masalah aqidah seperti penagihan dadah, sumbang mahram, persetubuhan haram dan orang Islam yang terpesong agamanya.

MAIS selaku badan berautoriti ke atas hal ehwal agama Islam khususnya di negeri Selangor terus memperkukuhkan institusi Islam dalam memperkasakan kemajuan ekonomi dan sosial umat Islam di negeri Selangor, seperti yang termaktub di bawah Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) tahun 2003.

Selaras dengan tanggungjawab memperkasa kemajuan sosial ini, MAIS berperanan membantu pemulihan Asnaf Riqab dengan melaksanakan pelbagai program bagi menyantuni, membimbing dan menjaga kebajikan mereka.

Bagi memberi peluang umat Islam memahami peranan MAIS dan semua pihak dalam menyantuni golongan asnaf riqab, MAIS dengan kerjasama JAKIM dan Universiti Islam Selangor mengambil inisiatif menganjurkan Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertajuk "Luka Semalam" pada 12 Oktober 2023 (Khamis) ini. Program akan disiarkan secara langsung menerusi saluran RTM TV1 pada pukul 9.00 malam hingga 10.00 malam.

Sebagai pihak berkuasa utama dalam pengurusan Hal Ehwal Islam di Negeri Selangor, adalah menjadi tanggungjawab MAIS dalam melaksanakan program-program kesedaran melibatkan masalah sosial, aqidah dan kesihatan mental.

MAIS berharap, penganjuran Forum Perdana Hal Ehwal Islam ini dapat menyediakan ruang dan informasi kepada umat Islam agar dapat mengenali asnaf riqab dengan lebih dekat serta cakna dengan masalah kesihatan dan gejala sosial yang berlaku kini.

Umat Islam yang ingin mendapatkan informasi lanjut berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh MAIS, bolehlah mengikuti perkembangan di platform media sosial MAIS dan laman sesawang rasmi di www.mais.gov.my.

Kenyataan oleh Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Setiausaha MAIS.